



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel. : 03-88853001
Faks : 03-88892187
E-mel : abubakar.kppa@jpa.gov.my
Web : <http://www.jpa.gov.my>



Ruj. Kami : JPA.BPP 334/2/8-1(22)
Tarikh : 3 Februari 2012

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PEMAKANAN SIHAT DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan, pewujudan persekitaran tempat kerja yang sihat adalah antara satu strategi utama yang terkandung di dalam Pelan Strategik Kebangsaan untuk Penyakit Tidak Berjangkit (NSP-NCD) 2011-2015. Amalan pemakanan yang sihat merupakan satu faktor utama bagi mencegah Penyakit Tidak Berjangkit atau *Non-Communicable Diseases* (NCD) seperti obesiti, diabetes, hipertensi dan penyakit jantung.

3. Penjawat awam yang sihat merupakan nadi kepada kelancaran penyampaian perkhidmatan Kerajaan dan merupakan aset penting dalam pembangunan negara. Oleh yang demikian, Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan (KSUKP) Bil.10/2011 pada 3 Oktober 2011, yang dipengerusikan oleh YBhg. Ketua Setiausaha Negara telah bersetuju supaya amalan pemakanan sihat diterapkan dalam perkhidmatan awam.

4. Bagi tujuan tersebut, Kementerian Kesihatan telah mewujudkan dua (2) garis panduan amalan pemakanan sihat, iaitu:

- 4.1. Garis Panduan Penyediaan Hidangan Sihat Semasa Mesyuarat (**Lampiran A**); dan
- 4.2. Garis Panduan Pelaksanaan Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) Makanan dan Minuman Sihat di Premis-Premis Kerajaan (**Lampiran B**).

5. Secara amnya, objektif Garis Panduan Penyediaan Hidangan Sihat Semasa Mesyuarat adalah untuk mengawal pengambilan makanan semasa mesyuarat dan seterusnya membudayakan amalan makan secara sihat dalam kalangan penjawat awam. Manakala Garis Panduan Pelaksanaan Mesin Layan Diri Makanan dan Minuman Sihat di Premis-Premis Kerajaan pula bertujuan untuk memastikan produk makanan dan minuman yang dibenarkan dijual dalam mesin layan diri adalah pilihan yang lebih sihat.


6. Sehubungan dengan itu dan bagi merealisasikan hasrat menerapkan amalan pemakanan sihat dalam perkhidmatan awam, pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah menerapkan amalan pemakanan sihat di agensi masing-masing selaras dengan Garis Panduan Penyediaan Hidangan Sihat Semasa Mesyuarat dan Garis Panduan Pelaksanaan Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) Makanan dan Minuman Sihat di Premis-Premis Kerajaan.

7. Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini boleh dirujuk kepada:

Pengarah
Bahagian Pemakanan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 7, Blok E10, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 WP Putrajaya
Tel: 03-88834086
Faks: 03-88884647

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

s.k.:

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan